

PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SU KEONG SIONG TUAN SU
KEONG SIONG (IPOH TIMOR)**

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah pelaksanaan yang telah diambil untuk gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan pada tahun 2009. Apakah tahap kejayaan inti pati gagasan yang berteraskan idea satu bangsa tanpa mengira kepelbagaian etnik, sub-etnik dan kebudayaan di Malaysia hari ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Gagasan 1Malaysia yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri bertujuan untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional di kalangan kepelbagaian masyarakat di negara ini. Penekanan konsep penerimaan dan menghormati kepelbagaian budaya dapat memastikan perpaduan dan keharmonian dapat dikekalkan. Manakala, pelaksanaan Konsep Keadilan Sosial yang menekankan elemen keterangkuman

(*inclusiveness*) di mana semua rakyat akan dibela khasnya kumpulan yang memerlukan.

Kerajaan melalui JPNIN senantiasa meneruskan usaha-usaha Gagasan 1Malaysia untuk meningkatkan perpaduan dan keharmonian negara melalui jentera perpaduan di peringkat akar umbi seperti Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Skim Rondaan Sukarelawan (SRS), Sekretariat Rukun Negara (SRN), Kelab Rukun Negara (KRN) dan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Antara Agama (JKMPA). Di samping itu, pelbagai program perpaduan telah dilaksanakan bersama penglibatan pihak swasta, badan korporat serta badan bukan Kerajaan.

JPNIN juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan petunjuk prestasi atau KPI untuk mengukur tahap keharmonian masyarakat yang mempunyai kepelbagaian latar belakang. Berdasarkan pencapaian Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM), menunjukkan peningkatan yang lebih baik pada setiap tahun iaitu pada tahun 2012, 2013 dan 2014 ialah 19.9, 18.9 dan 14.1. Pencapaian positif ini merupakan satu indikator bahawa tahap perpaduan dan keharmonian negara sentiasa meningkat dan elemen perpaduan di dalam Gagasan 1Malaysia ternyata telah berjaya diserapkan di dalam sanubari rakyat Malaysia.

Secara kesimpulannya, Gagasan 1Malaysia telah tercapai dengan jayanya walaupun di peringkat awal terdapat pihak-pihak tertentu yang menentang gagasan ini. Penekanan elemen perpaduan di dalam Gagasan 1Malaysia telah diterima dengan baik dan membawa kepada keharmonian, keamanan dan kemajuan Negara.